

## ● KENYATAAN AKHBAR

16 Jun 2015 / 14 Ramadhan 1436H

Untuk Siaran Segera

### **BANK MUAMALAT MEMBERI SUMBANGAN KEPADA PELAJAR MAHAD TAHFIZ AL-BAYAN SCHOOL OF QURAN & GOLONGAN KURANG BERNASIB BAIK DI MAJLIS BERBUKA PUASA**

Masjid Jamek, Kuala Lumpur, Khamis, 16 Jun 2015 : Sempena Ramadhan 1437 Hijrah, Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat) meraikan lebih daripada 400 tetamu pada majlis berbuka puasa yang berlangsung di Masjid Jamek Bandaraya, Kuala Lumpur. Para tetamu terdiri daripada anak-anak Maahad Tahfiz Al-Bayan dan golongan kurang bernasib baik (gelandangan).

Turut hadir pada majlis berbuka puasa bersama anak-anak Maahad Tahfiz Al-Bayan dan golongan kurang bernasib baik ialah; Tan Sri Dr. Mohamed Munir Abdul Majid, Pengerusi, Bank Muamalat Malaysia Berhad, Y.Bhg. Dato' Hj. Mohd Redza Shah Abdul Wahid, Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat Malaysia Berhad, Ahli Pengurusan Kanan dan kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad. Saudara Amy Search turut hadir menyeronokkan majlis.

Program ini adalah inisiatif tahunan yang diadakan bertujuan untuk menyambut Ramadhan Al Mubarak dengan memberi sumbangan berupa beg dan duit raya untuk anak-anak Maahad Tahfiz. Manakala, peralatan mandian, tuala serta selimut dan duit raya setiap seorang kepada golongan kurang bernasib baik (gelandangan) di sekitar kawasan Masjid Jamek, Kuala Lumpur.

Ia juga diadakan bagi memupuk dan mengeratkan perasaan kasih sayang (ukhuwah), tali persaudaraan sesama muslim dan keperihatinan di antara kakitangan Bank Muamalat dengan insan-insan yang kurang bernasib baik.

- Ends -

Issued by Corporate Communications Department of Bank Muamalat Malaysia Berhad. For further information, please contact Puan Saidatul Leiza at leiza@muamalat.com.my or 011-32226558.